

## UMP Berani Berbeza Memaknakan Autonomi



Kuantan, 25 Februari – Pencapaian cemerlang Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepanjang tahun lalu menunjukkan universiti ini berada pada kedudukan kukuh untuk terus merealisasikan matlamat Pelan Strategik UMP 2011-2015 menjadikan UMP sebagai universiti teknologi pilihan utama. Ianya menjadikan universiti ini terus bersedia menyerap gelombang transformasi pendidikan tinggi yang lebih mencabar termasuklah agenda autonomi. Menerusi pelan ini serta rangkaian dasar dan amalan baik yang digubal mampu mentransformasi universiti ini untuk membantu para juruaudit menilai tahap tadbir urus secara sistematik dan menilai kesediaan terhadap autonomi. Empat tadbir urus yang diberikan tumpuan adalah institusi, sumber manusia, kewangan dan akademik.

"Pemberian status autonomi kepada universiti merupakan antara pengupayaan utama transformasi pendidikan tinggi yang juga menunjukkan komitmen Kerajaan menjadikan universiti di negara ini lebih kompetitif. Sesuatu IPTA akan dapat membuktikan keupayaannya memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan berintegriti dan berdaya maju wajar diberikan status autonomi. Malahan, operasi autonomi membolehkan universiti bergerak dengan berkesan ke arah kecemerlangan," katanya dalam ucapan semasa Majlis Amanat Naib Canselor UMP yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP di Gambang hari ini.

Beliau mengharapkan skala markah melebihi 80 peratus bagi melayakkan autonomi penuh daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membolehkan UMP menjana kegemilangan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020. Menurut Dato' Dr. Daing, bagi menentukan kerangka pemikiran, sikap, pendekatan dan tindakan yang khusus untuk universiti ini muncul unik dan berbeza dalam kelasnya dengan semangat 'Berani Berbeza' yang ianya berkait rapat dengan pembentukan dan pemerkasaan jenama.

Katanya, untuk menjadikan pemain yang kompetitif dalam kelasnya, UMP hendaklah berani meneroka aspek penjenamaan dengan lebih mendalam untuk menarik bakat terbaik sebagai calon staf dan mahasiswa.



Terdapat enam inisiatif yang akan diberikan tumpuan khusus sepanjang tahun 2015 dan seterusnya. Inisiatif yang pertama iaitu melonjakkan pengajaran dan pembelajaran e-Learning berdasarkan perubahan dunia digital terkini, inisiatif kedua pula melonjakkan keusahawanan dan membentuk budaya keusahawanan secara berpadu. Kumpulan KRA kini dalam usaha menubuhkan beberapa enterprise daripada hasil penyelidikan.

Jelas sekali bahawa isu-isu berkaitan keusahawanan merupakan pengupayaan utama kepada kejayaan inisiatif tersebut. Inisiatif seterusnya pula dalam mempergiatkan komersialisasi dan memupuk minda komersialisasi. Maka aktiviti penyelidikan, Projek Sarjana Muda (PSM) dan Projek Tahun akhir harus bermula dengan memikirkan potensi komersil.

Tiga yang lain adalah peningkatan kesejahteraan, sikap dan gaya hidup cemerlang warga kampus, pengurusan prestasi dan memupuk kepimpinan di setiap peringkat.

Selain itu, dalam menjadikan UMP berbeza dan mencipta kelainan dengan lebih inovatif UMP menekankan beberapa prinsip sebagai amalan iaitu sentiasa mencari peluang dalam persekitaran adversity (*seek opportunity in adversity*),

membuat lebih dengan serba kekurangan (do more with less) dan fikir dan bertindak secara fleksibel (*think and act flexibility*)

Begitu juga dengan menjadikan segalanya mudah (keep it simple), libatkan lencongan terpinggir (*include the margin*) dan sentiasa mengikut gerak hati (*follow your heart*). Justeru beliau menyeru warga universiti untuk Berani Berbeza untuk terus berevolusi secara dinamik sebagai IPTA yang mendakap pendekatan yang mengatasi kelaziman.

Dinamisme ini merupakan kunci untuk kreativiti dapat terus dikembangkan sebagai inovasi yang memberi impak kepada daya saing secara lestari di UMP. Katanya, kita sendiri dapat lihat iklim semasa sektor pendidikan tinggi negara kini menuntut kesediaan warga UMP untuk menghadapi arus perubahan sesuai dengan perkembangan global untuk diserapkan mengikut acuan kita.

Lebih 5000 warga UMP hadir mendengar Amanat Naib Canselor UMP 2015 yang juga dihadiri ahli Lembaga Pengarah UMP, Prof. Ir. Dr. Hassan Ibrahim, Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Azhar Wan Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie.

Dalam majlis yang sama Dato' Dr Daing turut menyaksikan serahan sumbangan bantuan misi kemanusiaan hasil kutipan daripada pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Jabatan Pendaftar berjumlah 10 ribu ringgit untuk menjayakan Misi Kemanusiaan Thailand-Laos yang bakal dilaksanakan pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai usaha membantu membina masjid dan kemudahan pendidikan saudara baharu serta kanak-kanak di negara tersebut anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA).



**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 25-02-2015, 17:25:59